

31 OCT 1998

Mahathir-Reuters/I

DR MAHATHIR RASMI PEJABAT BARU REUTERS

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan pejabat baru Reuters Malaysia di Menara Berkembar Petronas di sini.

Pejabat itu terletak di tingkat 32 bangunan tertinggi di dunia itu.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berharap semua agensi berita melaporkan hanya yang benar dan tidak mereka-reka fakta semata-mata untuk menjadi popular.

Beliau berkata mereka perlu melaporkan berita yang benar kerana pembaca di seluruh dunia khususnya masyarakat perniagaan lazimnya membuat keputusan berdasarkan berita yang dilaporkan oleh agensi-agensi ini.

"Dalam membuat keputusan sama ada untuk melabur, sebarang maklumat yang salah akan menjejaskan keputusan mereka.

"Saya berpendapat semua wartawan agensi berita perlu melaporkan perkara yang benar dan tidak mengelirukan pelanggan khususnya ahli perniagaan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata dengan kemajuan teknologi maklumat, orang ramai seharusnya berpengetahuan tetapi malangnya keadaan tidak begitu kerana kebanyakan mereka tidak mendapat berita yang benar sebab apa yang mereka lihat dan dengar adalah dari sudut yang dilaporkan.

Beliau mengakui tentang kewibawaan Reuters dalam melaporkan berita secara seimbang dan tepat tetapi mengingatkan agensi berita itu supaya "tidak terpesong dari arah".

Dr Mahathir juga berkata rakyat di Malaysia melihat laporan berita di stesen televisyen antarabangsa dengan "mata yang sakit" kerana mereka tahu bahawa laporan mengenai Malaysia tidak langsung benar.

"Jika mereka boleh bohong mengenai negara kita, mereka juga boleh melakukannya terhadap yang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa pada masa ini terdapat unsur sensasi dalam berita berbanding dahulu dan adakalanya berita yang dilaporkan itu berbentuk provokatif.

Sebagai contoh, katanya, jika seseorang itu tidak menjawab soalan ketika ditemubual, pemberita yang "bijak" akan membuat andaian daripada cara orang yang ditemubual itu bertindak balas.

"Sukarlah bagi seseorang itu untuk bercakap atau tidak bercakap sesuatu semasa ditemubual," katanya.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata beliau lebih gemar menjadi pemberita daripada kedudukannya sekarang semasa ditemubual supaya beliau boleh bertanya dan tidak menjawab soalan.

"Tetapi hidup ini akan menjadi bosan jika tidak ada ahli politik untuk melayan wartawan," katanya.

Sebelum itu, pengurus Reuters bagi Malaysia dan Brunei, Gudrun Nienaber berkata syarikat itu telah mengenal pasti projek baru bernilai RM20 juta yang akan dilaksanakan di Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam tempoh lima tahun akan datang.

Reuters diberi status MSC oleh kerajaan Malaysia pada 1 Jun tahun ini.

Antara projek syarikat itu yang dirancang di MSC ialah memusatkan produk dan perkhidmatan serantau Reuters seperti mengedar berita Bernama menerusi rangkaianannya dan mengedar bahan berita Asia menerusi internet dan penyedia perkhidmatan online.

Nienaber berkata syarikat itu juga bercadang melancarkan beberapa perkhidmatan baru dalam beberapa bulan ini termasuk terminal yang

memaparkan produk berasaskan barangan.

Beliau berkata pembukaan pejabat Reuters di Menara Berkembar Petronas, pembinaan pusat data baru dalam kawasan Kuala Lumpur City Centre, status MSC, pelaburan kewangan dan pelancaran produk baru adalah bukti mengenai komitmen kukuh dan jangka panjang syarikat itu terhadap Malaysia serta pelanggan dan standard bermutu tingginya.

-- BERNAMA

HJ MAI